



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN  
KURIKULUM BERSEPADU  
SEKOLAH MENENGAH**

---

**PERDAGANGAN**


---

**TINGKATAN 4 DAN 5**



BAHAGIAN KURIKULUM TEKNIKAL DAN VOKASIONAL  
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIKAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR





KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah**

Huraian Sukatan Pelajaran  
Tingkatan 4 dan 5

---

# PERDAGANGAN

---

**2003**



BAHAGIAN KURIKULUM TEKNIKAL DAN VOKASIONAL  
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIKAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Cetakan Pertama 2000

Cetakan Kedua 2002

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2000

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan  
Malaysia. Kementerian Pendidikan. Jabatan Pendidikan Teknikal.  
Bahagian Kurikulum Teknikal Dan Vokasional  
Huraian sukatan pelajaran Perdagangan tingkatan 4 dan 5/  
Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional,  
Jabatan Pendidikan Teknikal.  
ISBN 983-2357-15-2  
1. Commerce-Study and teaching (Secondary)-Malaysia  
2. Commerce-Outlines, syllabi, etc.  
380.10712595

Dicetak oleh:  
Technogains Sdn. Bhd.  
No. 25, Jalan Mega A  
Taman Industri Mega  
43500 Semenyih  
Selangor Darul Ehsan.

## KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Rukun Negara .....	iii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan .....	iv
Kata Pengantar .....	v
Pendahuluan .....	vi
Matlamat Mata Pelajaran .....	vii
Objektif .....	vii
Organisasi Kurikulum .....	viii

### Huraian Sukatan Pelajaran

1	Asas Kepada Perdagangan .....	1
2	Unsur Perdagangan .....	1
3	Perniagaan Dalam Negeri .....	2
4	Perniagaan Antarabangsa .....	4
5	Industri Kecil dan Sederhana .....	4
6	Pemilikan Perniagaan .....	5
7	Pelaburan .....	6
8	Perbankan dan Institusi Kewangan Lain .....	6
9	Insurans .....	7
10	Pengangkutan .....	7
11	Komunikasi .....	8
12	Pergudangan .....	9
13	Promosi .....	9
14	Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan .....	10
15	Konsumerisme .....	10

## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **KATA PENGANTAR**

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mendukung cita-cita yang murni dan unggul selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyemakan semula kurikulum bertujuan memantapkan Akta Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan warga Malaysia menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21.

Setiap individu murid mempunyai keupayaan dan cara belajar yang berbeza. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dan sesuai seharusnya digunakan untuk membantu setiap murid mencapai objektif pembelajaran. Proses pemindahan pengetahuan dan penguasaan kemahiran pada setiap bidang yang dipelajari boleh berlaku dengan berkesan jika kaedah pengajaran dan pembelajaran yang betul dan bersesuaian digunakan.

Keadaan ini merupakan cabaran dalam profesion perguruan, di mana guru perlu bijak memilih dan menggunakan pendekatan yang sesuai bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan berkesan.

Huraian Sukatan Pelajaran Perdagangan disediakan untuk kegunaan guru mengenalpasti dan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dalam usaha membantu anak didik memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan perniagaan dengan berkesan. Penguasaan prinsip dan konsep dalam perdagangan dan memberi penekanan kepada penghayatan nilai murni dapat membantu murid-murid menyediakan diri menjadi seorang insan yang bertanggungjawab untuk menguruskan perniagaan dengan baik dan jujur.

Kementerian Pendidikan merakamkan penghargaan kepada setiap individu dan institusi atas sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya huraian sukatan pelajaran ini.



**(HAJI IMRAN BIN IDRIS)**

Pengarah

Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknikal

Kementerian Pendidikan Malaysia



## PENDAHULUAN

Perdagangan adalah satu daripada mata pelajaran elektif untuk Tingkatan 4 dan 5 dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan Sastera Ikhtisas. Mata pelajaran ini dapat memperkembangkan dan mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran asas perdagangan yang telah dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup di Peringkat Menengah Rendah. Melaluinya juga nilai-nilai murni dan sikap positif yang berkaitan akan dapat dipupuk dan diperkukuhkan di kalangan pelajar.

Isi sukatan pelajaran ini dibentuk berasaskan beberapa keperluan dalam pendidikan perdagangan yang melampaui peringkat kenal faham untuk:

- i) membangunkan tenaga manusia dan negara melalui bidang perdagangan;
- ii) menerapkan nilai-nilai murni dan menanamkan sikap positif dalam menjamin kesejahteraan hidup melalui berbagai aktiviti perdagangan;
- iii) mengetahui, memahami dan menggunakan prinsip-prinsip dan amalan-amalan asas perniagaan dalam negeri dan antarabangsa;
- iv) mengetahui dan memahami kegunaan dan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan yang membantu perniagaan;
- v) mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan secara formal dan tidak formal; dan
- vi) mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perdagangan supaya dapat membuat pilihan dengan bijak.

Mata pelajaran Perdagangan ini diharap dapat memenuhi keperluan-keperluan pendidikan perdagangan bukan sahaja dalam konteks persekitaran perdagangan yang dipengaruhi oleh arah aliran dan perkembangan terbaru, tetapi juga dalam usaha serta komitmen untuk memberi pelajar pendidikan umum seimbang dan menyeluruh dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif.

## **MATLAMAT MATA PELAJARAN**

Mata pelajaran Perdagangan bertujuan untuk memberi pendidikan perdagangan supaya pelajar mengetahui, memahami dan dapat menggunakan prinsip-prinsip dan amalan-amalan positif dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan yang berkaitan. Dengan ini dapat membantu pelajar menjadi warganegara yang bertanggungjawab, berpandangan jauh, rasional serta bijaksana dalam membuat sebarang keputusan, yakin diri, sanggup berdikari dan berani menghadapi persaingan dalam apa juga usaha yang diceburi berlandaskan sifat amanah dan jujur, untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

## **OBJEKTIF**

Objektif mata pelajaran Perdagangan adalah untuk membolehkan pelajar:-

- (i) mengenal pasti dan menerangkan struktur dan operasi asas perniagaan, perniagaan dalam negeri dan antarabangsa;
- (ii) mengetahui dan memahami kepelbagaian kaedah jualan dalam perniagaan;
- (iii) mengetahui dan memahami peranan Industri Kecil dan Sederhana dalam pengeluaran;
- (iv) membuat pilihan tentang jenis milikan perniagaan serta memahami prosedur penubuhannya;
- (v) mengenal pasti peluang-peluang utama pelaburan di Malaysia dan cara-cara untuk melabur;
- (vi) mengetahui dan memahami kepentingan dan cara bantuan-bantuan perniagaan membantu pengendalian sesuatu perniagaan dan pengguna;
- (vii) memahami dan menilai etika-etika dalam perniagaan dari aspek perlindungan pengguna supaya wujud pengguna yang bijak dan rasional;
- (viii) mengetahui dan memahami kepentingan peranan kerajaan dalam membantu perniagaan;
- (ix) membina pengetahuan dan kemahiran asas serta mengukuhkan minat bagi tujuan meneruskan pendidikan perdagangan di peringkat yang lebih tinggi;
- (x) mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan dalam bidang perdagangan dan memilih sesuatu pekerjaan dengan bijak sama ada yang bersifat berusaha sendiri atau bekerja dengan majikan.

## ORGANISASI KURIKULUM

Kurikulum Perdagangan dibentuk berdasarkan amalan perdagangan dan perniagaan yang telah disepadukan dalam lima belas topik pembelajaran. Topik-topik berkenaan merangkumi bidang-bidang pengeluaran, perdagangan, perniagaan, bantuan perniagaan, pelaburan, pemilikan perniagaan, konsumerisme dan etika amalan perniagaan. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bermula dari pemahaman konsep, pengetahuan sedia ada serta perkembangan maklumat terkini di bidang perdagangan. Penyampaian kurikulum mata pelajaran ini berdasarkan kepada konsep, peraturan, undang-undang yang diamalkan dalam dunia perniagaan sebenar.

Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti-aktiviti perdagangan telah, sedang dan akan terus memainkan peranan utama dan memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi, khususnya dalam mewujudkan berbagai-bagai peluang pekerjaan dan dalam menghasilkan pendapatan kepada individu, masyarakat dan negara.

Sukatan pelajaran ini dibentuk dengan mengambil kira kebolehan dan pengalaman pelajar yang berbeza-beza. Oleh yang demikian ia dapat memenuhi keperluan kedua-dua kategori pelajar menengah atas, iaitu:

- (i) Kumpulan pelajar yang akan meninggalkan bangku sekolah untuk menceburi diri dalam dunia pekerjaan, sama ada berusaha sendiri atau bekerja dengan majikan; dan
- (ii) Kumpulan pelajar yang akan melanjutkan pendidikan formal mereka ke peringkat yang lebih tinggi, sama ada dalam bidang perdagangan atau bidang-bidang lain yang berkaitan.

Pelajaran Perdagangan ini tidak lagi menegaskan teori atau isi kandungan semata-mata, tetapi juga mengutamakan kerja-kerja praktis, khususnya kajian kes bagi meluas dan mengukuhkan pengalaman serta kemahiran pelajar dalam bidang perdagangan. Penyerapan nilai-nilai murni juga dititikberatkan dengan harapan dapat membentuk sikap menghargai dan menghayati amalan-amalan perniagaan yang positif.

**RINGKASAN SUKATAN PELAJARAN PERDAGANGAN KBSM**

Isi Kandungan	Peruntukan Waktu
<b>1.0 ASAS KEPADA PERDAGANGAN</b> 1.1 Keperluan dan kehendak manusia 1.2 Pengeluaran 1.3 Faktor-faktor pengeluaran 1.4 Pengkhususan dalam pengeluaran 1.5 Sistem barter	17
<b>2.0 UNSUR PERDAGANGAN</b> 2.1 Perdagangan	4
<b>3.0 PERNIAGAAN DALAM NEGERI</b> 3.1 PERNIAGAAN dalam negeri 3.2 Saluran agihan 3.3 PERNIAGAAN runcit 3.4 PERNIAGAAN borong 3.5 Dokumen perniagaan dalam negeri 3.6 Kaedah jualan	40
<b>4.0 PERNIAGAAN ANTARABANGSA</b> 4.1 PERNIAGAAN antarabangsa 4.2 PERNIAGAAN import, eksport dan entrepot 4.3 Dokumen perniagaan antarabangsa	16
<b>5.0 INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA</b> 5.1 Industri Kecil dan Sederhana (IKS)	7
<b>6.0 PEMILIKAN PERNIAGAAN</b> 6.1 Memulakan perniagaan 6.2 Jenis pemilikan perniagaan 6.3 Penswastaan	12
<b>7.0 PELABURAN</b> 7.1 Pelaburan 7.2 Jenis pelaburan 7.3 Panduan am melabur	9
<b>8.0 PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN</b> 8.1 Sistem perbankan 8.2 Jenis-jenis bank 8.3 Perkhidmatan bank perdagangan 8.4 Cek 8.5 Institusi kewangan lain	24
<b>9.0 INSURANS</b> 9.1 Insurans 9.2 Prinsip-prinsip insurans	

Isi Kandungan	Peruntukan Waktu
9.3 Jenis insurans 9.4 Takaful 9.5 Belian polisi dan tuntutan gantirugi	20
<b>10.0 PENGANGKUTAN</b> 10.1 Pengangkutan 10.2 Jenis pengangkutan 10.3 Pengkontenaan 10.4 Pemilihan jenis pengangkutan	11
<b>11.0 KOMUNIKASI</b> 11.1 Komunikasi 11.2 Perkhidmatan komunikasi	10
<b>12.0 PERGUDANGAN</b> 12.1 Pergudangan 12.2 Jenis-jenis gudang	8
<b>13.0 PROMOSI</b> 13.1 Promosi 13.2 Jenis promosi 13.3 Media pengiklanan 13.4 Pemilihan media pengiklanan	12
<b>14.0 PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN</b> 14.1 Peranan kerajaan dalam perniagaan	10
<b>15.0 KONSUMERISME</b> 15.1 Konsumerisme 15.2 Perlindungan pengguna	10
<b>JUMLAH WAKTU</b>	210

**TAJUK 1 : ASAS KEPADA PERDAGANGAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1.1 Keperluan dan kehendak manusia</p> <p>a. Maksud keperluan</p> <p>b. Maksud kehendak</p> <p>c. Hierarki keperluan Maslow</p> <p>1.2 Pengeluaran</p> <p>a. Maksud pengeluaran</p> <p>b. Jenis-jenis pengeluaran</p> <p>c. Cabang-cabang pengeluaran</p> <p>1.3 Faktor-faktor pengeluaran</p> <p>a. Tanah, buruh, modal dan usahawan</p> <p>b. Usahawan dan peniaga</p> <p>c. Peranan usahawan</p> <p>1.4 Pengkhususan</p> <p>a. Maksud pengkhususan</p> <p>b. Pewujudan pengkhususan dalam pengeluaran</p> <p>c. Kesan pengkhususan dalam pengeluaran</p> <p>1.5 Sistem barter</p> <p>a. Maksud sistem barter</p> <p>b. Kelemahan sistem barter</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan maksud-maksud : - keperluan - kehendak - pengeluaran - sistem barter - faktor-faktor pengeluaran - pengkhususan</li> <li>Membezakan keperluan dan kehendak.</li> <li>Melakarkan Hierarki keperluan Maslow.</li> <li>Mengenal pasti cabang pengeluaran.</li> <li>Mengenal pasti bentuk-bentuk pengkhususan.</li> <li>Mengenal pasti kelemahan sistem barter.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan keutamaan keperluan berbanding dengan kehendak.</li> <li>Menjelaskan peranan dan sumbangan usahawan kepada masyarakat dan negara.</li> <li>Menjelaskan kesan pengkhususan dalam pengeluaran.</li> <li>Menghuraikan kelemahan sistem barter.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengkritik sistem barter.</li> <li>Mentafsirkan bagaimana keperluan dan kehendak mewujudkan pengeluaran.</li> <li>Membuat gambaran mental struktur asas aktiviti pengeluaran.</li> </ol>	<p>Pelajar menyenaraikan contoh keperluan dan kehendak.</p> <p>Penerangan boleh menggunakan model Hierarki Keperluan Maslow.</p> <p>Menyenaraikan contoh pengeluaran bersifat barang dan perkhidmatan.</p> <p>Menyenaraikan aktiviti perniagaan berkaitan dengan cabang-cabang pengeluaran.</p> <p>Mengkaji beberapa kegiatan pengeluaran.</p> <p>Kajian kes: Profil usahawan tempatan yang berjaya.</p> <p>Kajian: Pilih situasi setempat sebenar yang melibatkan pengkhususan kerja dan perniagaan.</p> <p>Simulasi sistem barter.</p>

**TAJUK 2: UNSUR PERDAGANGAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>2.1 Perdagangan</p> <p>a. Maksud perdagangan</p> <p>b. Maksud perniagaan</p> <p>c. Bantuan perniagaan</p> <p>d. Kaitan pengeluaran, perdagangan dan perniagaan.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan maksud perdagangan dan perniagaan.</li> <li>Menerangkan jenis-jenis bantuan perniagaan.</li> <li>Mengelaskan fungsi-fungsi bantuan perniagaan.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan dengan contoh hubung kait pengeluaran, perdagangan, perniagaan dan bantuan perniagaan.</li> <li>Menghuraikan kepentingan bantuan perniagaan kepada perniagaan.</li> </ol>	<p>Menyediakan carta aliran unsur-unsur perdagangan.</p> <p>Membuat penerangan ringkas berpandukan carta dan buku teks.</p>

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Membina carta aliran unsur-unsur perdagangan.</li> <li>Menilai keperluan sesuatu jenis bantuan perniagaan kepada sesuatu perniagaan.</li> </ol>	

**TAJUK 3: PERNIAGAAN DALAM NEGERI**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>3.1 Perniagaan dalam negeri a. Maksud perniagaan dalam negeri.</p> <p>3.2 Saluran agihan a. Jenis-jenis saluran agihan</p> <p>3.3 Perniagaan runcit a. Fungsi peruncit dalam saluran agihan b. Jenis-jenis perniagaan runcit i. Peruncit kecil-kecilan ii. Peruncit besar-besaran iii. Bentuk-bentuk lain peruncitan</p> <p>3.4 Perniagaan borong a. Fungsi pemborong dalam saluran agihan b. Jenis-jenis perniagaan borong i. Pemborong berfungsi penuh ii. Pemborong berfungsi terhad iii. Agen dan broker c. Pengambilalihan fungsi pemborong.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan maksud : - perniagaan dalam negeri - peruncit</li> <li>Mengenal pasti fungsi peruncit dan pemborong.</li> <li>Menyatakan jenis-jenis perniagaan runcit.</li> <li>Menerangkan jenis-jenis perniagaan borong.</li> <li>Menjelaskan bentuk-bentuk saluran agihan.</li> <li>Membandingkan perniagaan runcit dengan perniagaan borong.</li> <li>Mengenal pasti bentuk-bentuk lain peruncitan: - mesin peruncitan automatik - pesanan mel - francais - jualan langsung - E-dagang - televisyen interaktif - katalog shop</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan melalui contoh jenis-jenis perniagaan runcit kecil-kecilan dan besar-besaran.</li> <li>Menjelaskan melalui contoh jenis-jenis pemborong berfungsi penuh dan berfungsi terhad.</li> <li>Menghuraikan aktiviti agen dan broker.</li> <li>Mengenal pasti jenis perniagaan yang boleh mengambil alih fungsi pemborong.</li> <li>Memilih saluran agihan yang sesuai dalam memasarkan barangan.</li> <li>Menghuraikan ciri-ciri peruncitan kecil-kecilan dan besar-besaran.</li> <li>Menghuraikan ciri-ciri pemborong berfungsi penuh dan pemborong berfungsi terhad.</li> <li>Menjelaskan melalui contoh ciri-ciri bentuk lain peruncitan</li> <li>Mengelas dan membezakan jenis-jenis perniagaan runcit.</li> </ol>	<p>Kajian tentang pengendalian sebuah kedai runcit.</p> <p>Melengkapkan carta aliran saluran agihan.</p> <p>Melayari internet untuk mendapatkan laman web syarikat-syarikat perniagaan yang terlibat dalam E- dagang.</p> <p>Kajian untuk mengenal pasti barang-barang yang diperniagakan melalui pemborong. Menyediakan carta aliran barang daripada pengeluar kepada pengguna.</p> <p>Menjana ide bagaimana pemborong mengawal aliran barang dalam sesuatu kawasan. *Meliputi pemborong bayar dan bawa serta jobber para.</p> <p>Menyenaraikan jenis barang yang pengguna dan peruncit mendapat terus daripada pengeluar.</p>

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>3.5 Dokumen perniagaan dalam negeri</p> <p>a. Dokumen yang terlibat sebelum, semasa dan selepas urus niaga.</p> <p>3.6 Kaedah jualan</p> <p>a. Jualan tunai</p> <p>i. Maksud jualan tunai</p> <p>ii. Kelebihan dan kekurangan jualan tunai</p> <p>b. Jualan kredit</p> <p>i. Maksud jualan kredit</p> <p>ii. Jenis-jenis jualan kredit</p> <p>- Sewa beli</p> <p>- Bayaran Tertunda</p> <p>iii. Kelebihan dan kekurangan jualan kredit</p> <p>c. Jualan prabayar</p> <p>i. Maksud jualan prabayar</p> <p>ii. Kelebihan dan kekurangan jualan prabayar</p> <p>d. Jualan konsainan</p> <p>i. Maksud jualan konsainan</p> <p>ii. Kelebihan dan kekurangan jualan konsainan</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Menilai kepentingan pemborong kepada peruncit dan pengeluar</p> <p>2. Mengkritik peranan pemborong</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyenaraikan jenis-jenis dokumen</p> <p>2. Mengenal pasti penggunaan dokumen perniagaan dalam negeri</p> <p>3. Mengenal pasti jenis-jenis diskaun, syarat- syarat serahan dan syarat-syarat pembayaran.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Mengira diskaun, amaun bayaran dan komisen.</p> <p>2. Mengelaskan jenis-jenis dokumen mengikut urutan perniagaan.</p> <p>3. Menghuraikan fungsi setiap dokumen perniagaan dalam negeri.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Merumuskan kegunaan dokumen dalam pengendalian perniagaan.</p> <p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menyatakan maksud:</p> <p>- Jualan tunai</p> <p>- Jualan kredit</p> <p>- Jualan pra bayar</p> <p>- Jualan konsainan</p> <p>2. Menyenaraikan kelebihan dan kekurangan setiap kaedah jualan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Mengira faedah sewa beli, harga tokokan, margin harga dan amaun bayaran ansuran</p> <p>2. Menjelaskan dengan contoh kaedah jualan yang diamalkan.</p> <p>3. Menghuraikan perbezaan setiap kaedah jualan.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat keputusan yang rasional semasa memilih kaedah jualan.</p>	<p>Mengisi dan melengkapkan dokumen-dokumen perniagaan dalam negeri.</p> <p>Melakarkan dokumen perniagaan dalam negeri.</p> <p>Penghasilan folio dokumen perniagaan.</p> <p>Penerangan termasuk membanding setiap kaedah.</p> <p>Simulasi urusan jual-beli bersesuaian dengan produk.</p> <p>Buku skrap tentang produk dan kaedah jualan.</p> <p>Merancang jualan.</p> <p>Simulasi melayan pelanggan.</p>



**TAJUK 4 : PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

<b>BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>4.1 Perniagaan antarabangsa</p> <p>a. Maksud perniagaan antarabangsa</p> <p>b. Sebab-sebab wujud perniagaan antarabangsa</p> <p>c. Kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengguna, pengeluar dan negara.</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan maksud <ul style="list-style-type: none"> <li>perniagaan antarabangsa</li> <li>perniagaan import, eksport dan entrepot.</li> </ul> </li> <li>Mengenal pasti dokumen-dokumen perniagaan antarabangsa.</li> <li>Menerangkan prosedur mengimport dan mengeksport.</li> </ol>	<p>Lawatan ke Syarikat Pengimport dan Pengeksport.</p> <p>Carta prosedur import dan eksport.</p>
<p>4.2 Perniagaan import, eksport dan entrepot</p> <p>a. Maksud perniagaan import, eksport dan entrepot.</p> <p>b. Prosedur import dan eksport.</p> <p>c. Halangan dalam perniagaan antarabangsa</p>	<p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menghuraikan kepentingan perniagaan antarabangsa</li> <li>Menghuraikan perbandingan perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa.</li> <li>Menjelaskan perbezaan aktiviti import, eksport dan entrepot.</li> <li>Menjelaskan halangan dalam perniagaan antarabangsa.</li> <li>Menjelaskan penggunaan dokumen import dan eksport.</li> </ol>	<p>Folio dokumen perniagaan import dan eksport.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Dokumen perniagaan:- inden, invois eksport, invois konsular, sijil asal usul</li> <li>Dokumen pengangkutan:- bil muatan, bil udara,</li> <li>Dokumen Insurans:- polisi insurans</li> <li>Dokumen Kastam:- borang perakuan kastam.</li> <li>Dokumen pembayaran:- bil perintah bayar.</li> </ol>
<p>4.3 Dokumen perniagaan antarabangsa</p> <p>a. Jenis-jenis dokumen perniagaan antarabangsa</p>	<p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menilai implikasi import dan eksport kepada negara.</li> <li>Mencadangkan cara mengatasi masalah perniagaan antarabangsa.</li> </ol>	

**TAJUK 5 : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA**

<b>BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN</b>	<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</b>
<p>5.1 Industri Kecil dan Sederhana</p> <p>a. Maksud Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</p> <p>b. Ciri-ciri Industri Kecil dan Sederhana</p> <p>c. Kegiatan Industri Kecil dan Sederhana</p> <p>d. Kepentingan Industri Kecil dan Sederhana</p> <p>e. Kaitan Industri Kecil dan Sederhana dengan Industri Berat</p> <p>f. Masalah-masalah Industri Kecil dan Sederhana</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan maksud Industri Kecil dan Sederhana dan kepentingannya.</li> <li>Mengenal pasti ciri-ciri Industri Kecil dan Sederhana.</li> <li>Mengenal pasti kegiatan Industri Kecil dan Sederhana.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan kaitan Industri Kecil dan Sederhana dengan Industri Berat.</li> <li>Menjelaskan masalah Industri Kecil dan Sederhana.</li> </ol>	<p>Lawatan Industri</p> <p>Keratan Akhbar (ADD)</p> <p>Buku Skrap</p> <p>Penerangan ringkas tentang Vendor dan Industri berat.</p> <p>Sampel-sampel produk Industri Kecil dan Sederhana dan Industri Berat.</p>

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
	<p>3. Menjelaskan dengan contoh sumbangan Industri Kecil dan Sederhana kepada masyarakat dan negara.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Mencadangkan cara-cara mengatasi masalah Industri Kecil dan Sederhana.</p> <p>2. Merumuskan peranan Industri Kecil dan Sederhana dalam pengeluaran.</p>	<p>*Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ada memberi insentif sebagai cara mengatasi masalah Industri Kecil dan Sederhana.</p>

**TAJUK 6: PEMILIKAN PERNIAGAAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>6.1 Memulakan perniagaan</p> <p>a. Cara memulakan perniagaan</p> <p>b. Pengendalian perniagaan</p> <p>6.2 Jenis pemilikan perniagaan</p> <p>a. Milikan tunggal</p> <p>b. Perkongsian</p> <p>c. Syarikat sendirian berhad</p> <p>d. Syarikat awam berhad</p> <p>e. Koperasi</p> <p>f. Perbadanan awam</p> <p>6.3 Penswastaaan</p> <p>a. Maksud penswastaaan</p> <p>b. Tujuan penswastaaan</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menerangkan cara-cara memulakan perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- sendiri - francais</li> <li>- ambil alih - diundang</li> <li>- warisan</li> </ul> <p>2. Menerangkan faktor yang dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan.</p> <p>3. Mengenal pasti jenis dan ciri setiap milikan perniagaan.</p> <p>4. Menerangkan cara menubuhkan perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Milikan tunggal</li> <li>- Perkongsian</li> <li>- Syarikat sendirian berhad</li> <li>- Syarikat awam berhad</li> <li>- Koperasi</li> <li>- Perbadanan awam</li> </ul> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan dengan contoh setiap cara untuk memulakan perniagaan.</p> <p>2. Menghuraikan cara pengendalian.</p> <p>3. Menjelaskan kelebihan dan kekurangan setiap pemilikan perniagaan.</p> <p>4. Menjelaskan tujuan penswastaaan.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat keputusan memilih cara untuk memulakan perniagaan.</p> <p>2. Merumuskan kesan daripada cara pengendalian perniagaan.</p> <p>3. Menilai dasar penswastaaan.</p>	<p>Penerangan meliputi faktor yang perlu dipertimbangkan bagi memulakan perniagaan.</p> <p>Penerangan meliputi tanggungjawab percukaian bagi setiap milikan perniagaan.</p> <p>Lawatan ke premis perniagaan.</p> <p>Penerangan hendaklah ringkas dan menyeluruh.</p> <p>Kuiz</p> <p>Perbincangan berkumpulan</p> <p>Contoh-contoh penswastaaan.</p> <p>Penerangan meliputi langkah-langkah penubuhan secara ringkas.</p> <p>Penerangan meliputi memorandum dan tataurus syarikat.</p>

**TAJUK 7: PELABURAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
7.1 Pelaburan a. Maksud pelaburan b. Pelabur dan spekulator  7.2 Jenis pelaburan a. Simpanan Tetap atau Akaun Pelaburan b. Harta tanah c. Saham i. Jenis saham ii. Pulangan atas saham iii. Peranan Bursa Saham Kuala Lumpur d. Unit Amanah  7.3 Panduan am melabur a. Panduan asas membuat pelaburan	<b>Aras 1</b> 1. Menerangkan maksud pelaburan, pelabur dan spekulator. 2. Membezakan pelabur dengan spekulator 3. Mengenal pasti kepelbagaian peluang pelaburan. 4. Menerangkan jenis-jenis syer. 5. Menerangkan peranan BSKL. 6. Menerangkan cara-cara melabur.  <b>Aras 2</b> 1. Mengira pulangan daripada pelbagai pilihan pelaburan. 2. Menjelaskan dengan contoh kelebihan dan kekurangan setiap peluang pelabur. 3. Menghuraikan faktor yang mempengaruhi harga saham. 4. Menghuraikan cara membeli dan menjual saham.	Penerangan tentang saham disenaraikan dan tidak disenaraikan.  Penerangan tentang saham meliputi perbezaan saham dan syer.  Kajian laporan saham di akhbar/Beriteks.  Penerangan tentang insentif cukai ke atas modal pelaburan.

**TAJUK 8 : PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN LAIN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
8.1 Sistem Perbankan a. Perbankan konvensional b. Perbankan Islam  8.2 Jenis-jenis bank a. Bank Pusat b. Bank Perdagangan (Bank Islam) c. Bank Saudagar d. Bank Badan Berkanun e. Bank Koperasi  8.3 Perkhidmatan bank perdagangan a. Menerima simpanan b. Kemudahan pembayaran c. Kemudahan pembiayaan d. Perkhidmatan lain  8.4 Cek a. Jenis-jenis cek dan penggunaannya. b. Faedah menggunakan cek c. Cek-cek lain. d. Cek tak layan	<b>Aras 1</b> 1. Membezakan sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan secara Islam. 2. Menerangkan fungsi Bank Pusat dan bank-bank yang lain. 3. Menerangkan bentuk-bentuk perkhidmatan bank perdagangan dan kegunaannya. 4. Menerangkan penggunaan berbagai jenis cek. 5. Mengenal pasti sebab-sebab cek tak layan 6. Menerangkan ciri dan fungsi setiap jenis institusi kewangan lain. 7. Melakarkan cek.  <b>Aras 2</b> 1. Menjelaskan perbezaan di antara setiap jenis bank. 2. Menjelaskan kepentingan setiap bentuk perkhidmatan bank perdagangan kepada pelanggan bank. 3. Menghuraikan kelebihan dan kekurangan penggunaan cek. 4. Menjelaskan perbezaan cek terbuka dan cek berpaling.	Lawatan ke bank  Penerangan ringkas tentang jenis dan fungsi bank.  Risalah bank dan produknya.  Ceramah oleh pegawai bank.  Catatan: Penerangan meliputi aktiviti kewangan yang menjual berbagai produk perkhidmatan untuk mendapat keuntungan. * Penerangan meliputi penggunaan teknologi maklumat dalam urusan perbankan.  Penerangan meliputi tatacara membuka akaun.  Cara menggunakan cek.

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
8.5 Institusi kewangan lain a. Syarikat Kewangan b. Syarikat Pajakan c. Syarikat Pemfaktoran d. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia.	<b>Aras 3</b>  1. Membuat keputusan pemilihan perkhidmatan bank yang sesuai untuk pelbagai jenis pelanggan bank.	Spesimen cek.  Penerangan meliputi perkhidmatan Biro Maklumat Cek (BMC)  Penerangan ringkas tentang jenis dan peranan institusi kewangan lain.

**TAJUK 9: INSURANS**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
9.1 Insurans a. Pengenalan kepada insurans b. Konsep insurans c. Jenis risiko d. Peranan insurans  9.2 Prinsip-prinsip insurans a. Kepentingan boleh diinsuranskan b. Penuh percaya c. Ganti rugi d. Prinsip Takaful  9.3 Jenis insurans a. Insurans Kemalangan b. Insurans Kebakaran c. Insurans Hayat d. Insurans Perkapalan/ Penerbangan e. Insurans-insurans lain  9.4 Takaful a. Prinsip Takaful b. Produk Takaful  9.5 Belian polisi dan tuntutan ganti rugi a. Prosedur membeli polisi b. Prosedur membuat tuntutan ganti rugi.	<b>Aras 1</b>  1. Menerangkan konsep, peranan dan istilah-istilah dalam insurans. 2. Mengenal pasti jenis-jenis risiko. 3. Menerangkan prinsip-prinsip insurans. 4. Mengetahui jenis-jenis dan kegunaan insurans. 5. Membandingkan insurans konvensional dengan Takaful. 6. Mengetahui cara-cara membeli polisi dan membuat tuntutan ganti rugi.  <b>Aras 2</b>  1. Menghuraikan konsep pemusatan risiko. 2. Menjelaskan dengan contoh faktor-faktor yang mempengaruhi kadar premium insurans. 3. Menjelaskan prinsip-prinsip takaful. 4. Menjelaskan implikasi setiap prinsip insurans ke atas tuntutan ganti rugi.  <b>Aras 3</b>  1. Mencadangkan jenis polisi insurans yang sesuai bagi sesuatu jenis perniagaan dan individu.	Penerangan prinsip ganti rugi meliputi caruman, subrogasi dan doktrin punca terdekat.  Ceramah wakil syarikat insurans.  Insurans kenderaan bermotor meliputi "Excess Clause".  Penerangan untuk insurans lain meliputi peranan PERKESO.  Kajian tentang jenis insurans yang diambil oleh sesebuah perniagaan.  Catatan: Penerangan ringkas tentang implikasi percukaian ke atas ganti rugi dan premium insurans.

**TAJUK 10: PENGANGKUTAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
10.1 Pengangkutan a. Peranan pengangkutan  10.2 Jenis pengangkutan b. Pengangkutan darat c. Pengangkutan laut	<b>Aras 1</b>  1. Menerangkan peranan dan jenis-jenis pengangkutan. 2. Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan setiap jenis pengangkutan.	Lawatan ke pelabuhan.  Kajian tentang jenis pengangkutan yang sesuai bagi sesuatu jenis barang dan rasional memilihnya.

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>d. Pengangkutan udara</p> <p>e. Saluran paip</p> <p>10.3 Pengkontenaan</p> <p>a. Maksud pengkontenaan</p> <p>b. Pengangkutan Antarabangsa Routier (Transport International Routier)</p> <p>10.4 Pemilihan jenis pengangkutan</p> <p>a. Faktor-faktor pemilihan jenis pengangkutan</p>	<p>3. Menerangkan maksud pengkontenaan dan Pengangkutan Antarabangsa Routier(TIR)</p> <p>4. Mengenal pasti agensi-agensi yang peranannya berkaitan dengan bidang pengangkutan.</p> <p>5. Menerangkan faktor-faktor pemilihan jenis pengangkutan.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan dengan contoh kepentingan pengangkutan kepada sesuatu jenis perniagaan.</p> <p>2. Menghuraikan jenis-jenis pengangkutan darat, laut, udara dan saluran paip.</p> <p>3. Memilih jenis pengangkutan yang sesuai bagi membantu perniagaan</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Membuat gambaran mental tentang aktiviti pengangkutan dalam perniagaan.</p> <p>2. Mengkritik setiap jenis pengangkutan.</p> <p>3. Membuat keputusan rasional dalam memilih jenis pengangkutan.</p>	<p>Peranan meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lembaga Pelabuhan</li> <li>- Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)</li> <li>- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)</li> <li>- Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)</li> <li>- Jabatan Penerbangan Awam (DCA)</li> <li>- Petronas</li> <li>- Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)</li> <li>- Jabatan Laut (Syahbandar)</li> <li>- Malaysian International Shipping Corporation (MISC)</li> <li>- PUSPAKOM</li> </ul> <p>Folio/buku skrap</p>

**TAJUK 11 : KOMUNIKASI**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>11.1 Komunikasi</p> <p>a. Peranan komunikasi</p> <p>b. Perkhidmatan komunikasi</p> <p>i. Televisyen dan radio</p> <p>ii. Perkhidmatan pos</p> <p>iii. Perkhidmatan telekomunikasi</p> <p>iv. Perkhidmatan kurier</p>	<p><b>Aras 1</b></p> <p>1. Menerangkan peranan komunikasi.</p> <p>2. Menerangkan jenis perkhidmatan komunikasi yang sesuai digunakan dalam perniagaan.</p> <p>3. Menerangkan ciri-ciri setiap jenis perkhidmatan komunikasi.</p> <p>4. Menerangkan agensi yang terlibat dalam perkhidmatan komunikasi.</p> <p><b>Aras 2</b></p> <p>1. Menjelaskan faktor-faktor pemilihan sesuatu jenis perkhidmatan komunikasi.</p> <p><b>Aras 3</b></p> <p>1. Mencadangkan jenis-jenis perkhidmatan komunikasi yang sesuai kepada peniaga.</p>	<p>Penekanan kepada perkhidmatan pos dan telekomunikasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan.</p> <p>Simulasi tentang penggunaan perkhidmatan komunikasi.</p>

**TAJUK 12: PERGUDANGAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
12.1 Pergudangan a. Peranan pergudangan b. Ciri-ciri gudang yang baik  12.2 Jenis-jenis gudang a. Gudang pengilang b. Gudang pemborong c. Gudang peruncit d. Gudang kerajaan e. Gudang berbon f. Penyeteran sejuk	<b>Aras 1</b> 1. Menerangkan maksud dan peranan pergudangan. 2. Menerangkan jenis-jenis gudang. 3. Menerangkan kepentingan gudang berbon kepada peniaga dan kerajaan. 4. Menyatakan ciri-ciri gudang yang baik.  <b>Aras 2</b> 1. Menghuraikan dengan contoh kepentingan gudang kepada peniaga dan pengeluar. 2. Menjelaskan ciri-ciri gudang yang baik.  <b>Aras 3</b> 1. Mencadangkan kaedah pengendalian gudang yang baik.	Carta aliran gudang.  Mengkaji jenis gudang yang sesuai bagi sesuatu jenis barang dan rasional memilihnya.

**TAJUK 13: PROMOSI**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
13.1 Promosi a. Peranan promosi b. Promosi dalam pemasaran  13.2 Jenis promosi a. Pengiklanan b. Promosi jualan c. Jualan terus d. Publisiti  13.3 Media pengiklanan a. Media bercetak b. Media elektronik c. Media-media lain  13.4 Pemilihan media pengiklanan a. Faktor-faktor pemilihan media pengiklanan.	<b>Aras 1</b> 1. Menerangkan maksud dan peranan promosi. 2. Mengenal pasti perkaitan promosi dengan pemasaran. 3. Menerangkan ciri-ciri setiap jenis promosi. 4. Mengenal pasti jenis-jenis pengiklanan. 5. Menerangkan ciri-ciri pelbagai media pengiklanan. 6. Menerangkan faktor-faktor pemilihan media pengiklanan.  <b>Aras 2</b> 1. Menjelaskan perbezaan antara jenis-jenis promosi. 2. Menghuraikan cara "gaya tarikan iklan "untuk menarik perhatian pengguna. 3. Menjelaskan kelebihan dan kekurangan setiap media pengiklanan 4. Memilih media pengiklanan yang sesuai bagi mempromosikan sesuatu keluaran. 5. Menentukan pemilihan jenis pengiklanan yang sesuai bagi sesuatu barangan.  <b>Aras 3</b> 1. Mencadangkan jenis-jenis promosi yang sesuai bagi sesuatu barangan.	Penerangan ringkas konsep produk, promosi, harga dan agihan (4P).  Simulasi mengenai pelbagai jenis promosi.  Folio  Cara mengiklan sesuatu barang/kemahiran kejurujualan.

**TAJUK 14: PERANAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>14.1 Peranan kerajaan dalam perniagaan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Penyelidikan dan pembangunan</li> <li>Perundangan perniagaan</li> <li>Latihan dan pengurusan</li> <li>Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga</li> <li>Promosi dan pemasaran</li> <li>Pelepasan cukai</li> <li>Pembiayaan</li> </ol>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti kepentingan peranan kerajaan dalam perniagaan.</li> <li>Mengenal pasti agensi-agensi yang terlibat.</li> <li>Membezakan penglibatan agensi dalam membantu peniaga/pengusaha.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan dengan contoh cara bagaimana seseorang pengusaha dibantu oleh kerajaan.</li> <li>Menghuraikan peranan setiap agensi kepada pengusaha.</li> <li>Menghuraikan implikasi perundangan perniagaan kepada pengusaha/peniaga.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menghuraikan implikasi peranan kerajaan kepada peniaga dan pengguna.</li> </ol>	<p>Penerangan ringkas dan menyeluruh peranan kerajaan meliputi Industri Kecil dan Sederhana, perniagaan antarabangsa dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).</p> <p>Risalah.</p> <p>Lawatan ke agensi berkaitan.</p> <p>Ceramah</p>

**TAJUK 15: KONSUMERISME**

BIDANG PEMBELAJARAN/ UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>15.1 Konsumerisme</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Maksud konsumerisme</li> </ol> <p>15.2 Perlindungan pengguna</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Hak dan tanggungjawab pengguna</li> <li>Tanggungjawab pengeluar</li> <li>Membeli dengan bijak</li> <li>Peranan kerajaan dan agensi lain dalam melindungi pengguna</li> <li>Etika amalan perniagaan</li> </ol>	<p><b>Aras 1</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan maksud konsumerisme.</li> <li>Mengenal pasti hak dan tanggungjawab pengguna dan pengeluar.</li> <li>Mengetahui dan mengamalkan cara membeli dengan bijak.</li> <li>Menerangkan peranan kerajaan dan agensi lain dalam melindungi pengguna.</li> <li>Mengamalkan etika amalan perniagaan oleh penjual dan pembeli.</li> <li>Menerangkan undang-undang berkaitan dengan perlindungan pengguna.</li> </ol> <p><b>Aras 2</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menghuraikan bagaimana menjadi pengguna yang bertanggungjawab.</li> <li>Menjelaskan dengan contoh tanggungjawab pengguna dan pengeluar.</li> </ol> <p><b>Aras 3</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menilai amalan penjual dari segi etika perniagaan.</li> <li>Merumuskan sebab-sebab pengguna perlu dilindungi.</li> </ol>	<p>Ceramah</p> <p>Surat khabar/Utusan Konsumer.</p> <p>Perbahasan</p> <p>Penerangan ringkas tentang Tribunal Pengguna (di bawah Akta Perlindungan Pengguna).</p> <p>Catatan: Penerangan meliputi tanggungjawab sebagai pembayar cukai.</p>

